

27 NOV 1997

BN KUBANG PASU IKRAR SOKONG DR MAHATHIR

JITRA, 27 Nov (Bernama) -- Kira-kira 300 pemimpin masyarakat di Kubang Pasu menyertai perhimpunan di sini untuk melafazkan ikrar menyokong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perhimpunan di pejabat UMNO Bahagian Kubang Pasu itu adalah anjuran Barisan Nasional (BN) parlimen Kubang Pasu, kawasan parlimen Dr Mahathir, dihadiri pemimpin parti komponen BN serta wakil Pertubuhan Seni Silat Gayong Warisan, Kumpulan Penonton-Pendengar-Pembaca (K3P), KEMAS dan masyarakat Thai di daerah ini.

Bekas Menteri Besar Kedah yang juga Pengerusi BN Kubang Pasu, Tan Sri Osman Aroff yang mengetuai perhimpunan itu berkata negara luar tidak mempunyai hak untuk mencampuri urusan politik negara ini.

Beliau juga mengutuk draf resolusi sekumpulan ahli kongres Amerika Syarikat yang mahukan Perdana Menteri meminta maaf atau meletakkan jawatan kerana dilaporkan menyatakan terdapat konspirasi Yahudi di sebalik kejatuhan nilai mata wang di Asia Tenggara.

Dalam perhimpunan itu, mereka yang hadir turut menyampai ikrar bertulis masing-masing kepada Osman untuk disampaikan sendiri kepada Perdana Menteri. -- BERNAMA

MN oba